Seluas 1,433,000 ekar ditanam dengan padi di Semenanjung Malaysia melibatkan 355,000 orang petani

PADI SUMBER MAKANAN UTAMA



Tujuan utama segala dasar, program dan projek penanaman padi di negara ini ialah untuk memberi sumbangan ke arah pembasmian kemiskinan di kalangan penanam-penanam padi, di samping berusaha hendak mengeluarkan secukupnya beras yang menjadi bahan makanan utama rakyat Malaysia.

Padi merupakan tanaman pekebun kecil yang kedua pentingnya, meliputi 1,433,000 ekar dan melibatkan kira-kira 355,000 orang petani.

Berbagai rancangan telah dijalankan oleh Kerajaan untuk meninggikan paras pendapatan dan menambahkan peluang-peluang pekerjaan bagi penanam-penanam padi serta menambahkan lagi pengeluaran beras negara.

PENGAIRAN

Ini termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan pengairan di kawasan-kawasan padi di seluruh negara, setengahnya merupakan projek-projek baru manakala yang lain-lain pula sambungan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan pengairan yang sedia ada.

Skim Pengairan Muda — projek pengairan Malaysia yang terbesar dengan perbelanjaan modal bagi kerja-kerja kejuruteraan sahaja berjumlah $228 juta — telah membolehkan penanaman padi dua musim dalam kawasan sawah lebih dari suku juta ekar yang menganjur dari Negeri Kedah hingga ke Perlis.

Perlaksanaan penanaman dua musim rancangan Pengairan Muda telah diselenggarakan secara berperingkat dari tahun 1970 hinggalah berjalan sepenuhnya menjelang tahun 1973. Projek ini telah membolehkan lebih dari 325,000 orang penanam padi menikmati cara hidup yang lebih baik dan taraf hidup yang lebih tinggi.

Skim Pengairan Kembu di Kelantan, yang menelan belanja $75 juta siap dalam tahun 1972 dan telah membolehkan kira-kira 25,000 keluarga penanam padi di Negeri itu menikmati kemudahan pengairan untuk penanaman dua musim. Projek ini melibatkan kawasan seluas kira-kira 82,000 ekar.

Penanam-penanam padi juga menikmati Harga Minima Terjamin di bawah kawalan Lembaga Padi dan Beras Negara untuk mengelakkan daripada kejatuhan harga padi kepada harga peringkat yang rendah.

Harga Minima terjamin yang berpatutan menjadi dorongan kepada penanam-penanam padi dari segi kualiti dan kuantiti. Ia sentiasa disesuaikan dari musim ke semusim untuk mempastikan harga padi adalah selaras dengan harga beras dalam negeri.

Lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan melalui beberapa agensinya termasuklah subsidi baja, pemberian benih mutu tinggi, penyelidikan beras dan padi, perkhidmatan perkembangan dan pemeliharaan tanaman, kredit pengeluaran serta kemudahan pemasaran.

Menuai



Petani-petani dibekalkan dengan benih mutu tinggi

Lembaga Pertubuhan Peladang mengedarkan trektor-trektor kepada Koperasi-Koperasi Peladang

Penyelidikan dilakukan untuk hasil yang lebih tinggi.

Permodenan di sektor pertanian

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan. G.B.1. 2.1/F/B M/JUN 78

Pengeluaran beras di Semenanjung Malaysia juga telah bertambah dari 1,002,000 tan metrik dalam tahun 1972 kepada 1,119,000 tan metrik dalam musim menanam 1976/77.

Antara tahun 1961 — 1975, sejumlah $500 juta disediakan untuk rancangan pengairan. Hasilnya kawasan seluas 760,000 ekar telah dibekalkan dengan kemudahan pengairan. Dari jumlah itu, 540,000 ekar dapat ditanam dua kali setahun.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), $303 juta diuntukkan bagi tujuan yang sama. Adalah dijangka bahawa 880,000 ekar lagi akan dapat kemudahan pengairan di mana 650,000 ekar dapat ditanam dua kali setahun.

Kawasan-kawasan padi yang luas seperti di Tanjong Karang, Sabak Bernam, Seberang Perak, Krian juga akan dimajukan lagi. Sementara itu kawasan-kawasan baru di Endau-Rompin, Lembah Limbang Sarawak dan juga di Sabah telahpun diidentify untuk ditanam padi bagi mencapai matlamat-matlamat pengeluaran beras negara sambil meninggikan taraf hidup penanam padi.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Subsidi

Dalam tahun 1977, seramai 8,149 orang ahli dari 122 unit Koperasi Peladang telah mengusahakan 330 rancangan berkelompok meliputi kawasan 10,800 ekar dengan bantuan Lembaga Pertubuhan Peladang sebanyak $3.6 juta. Pada tahun ini pula, seramai 9,581 orang ahli dari 293 unit Koperasi Peladang akan melaksanakan 450 projek berkelompok melibatkan kawasan 14,840.51 ekar.

Setakat ini, 133 buah trektor 4 roda telah diedarkan kepada Koperasi-koperasi Peladang. Melalui trektor-trektor ini, kawasan seluas 21,229 ekar telah dapat dibajak dan memberi faedah kepada 19,725 orang ahli. Usaha itu juga telah memberi keuntungan sebanyak $317,168.00.

Sebanyak 86 buah trektor 4 roda lagi akan dibahagikan dalam tahun ini. Di samping itu, 341 buah trektor 2 roda juga telah diedarkan kepada ahli-ahli Koperasi Peladang di bawah skim pinjaman. Sebanyak 258 buah trektor ini lagi akan diedarkan dalam tahun ini.

Mulai tahun ini juga, LPP akan membina lapan buah *Pusat Kejenteraan* iaitu di Kangar, Pontian, Melaka, Kuala Terengganu, Kota Baru, Johor Baru Timur, Selangor dan Ipoh. Sebanyak $900,000 telah diperuntukkan.

Di bidang pengangkutan, sehingga akhir bulan Disember 1977, LPP telah memberi 24 buah lori, 40 buah landrover, 17 buah pick-up van dan 7 buah motorbot kepada Koperasi-koperasi Peladang. Pada tahun ini (1978) LPP akan mengadakan 24 buah lori, 24 buah landrover, 26 buah pick-up van dan dua buah motorbot lagi.

Gedong Benih dan Petak Semaian

Projek ini diadakan bagi memudahkan petani-petani mendapatkan benih-benih.

Setakat ini, empat buah gedong benih telahpun didirikan iaitu di Alor Gajah, Manir/Belara, Kuala Brang dan Dungun. Tiga buah lagi akan didirikan tahun ini di Ipoh, Kluang dan Kota Baru.

Antara tahun 1976-1977, sebanyak 20 projek petak semaian telah diadakan. Petak-petak semaian ini mengeluarkan benih kacang tanah, kopi, koko, kelapa sawit dan buah-buahan. Padi tahun ini, enam buah Koperasi Peladang akan menyediakan 440 ekar untuk benih kacang tanah dan padi di Terengganu dan Seberang Prai.

Kemudahan-kemudahan kredit dan modal pusingan juga disediakan untuk membantu petani-petani oleh LPP, Bank Pertanian dan Bank Rakyat. Bank Pertanian telah melantik 80 buah Persatuan Peladang dan 48 buah Syarikat Kerjasama untuk menyalurkan kredit padi di MADA, KADA, Tanjong Karang dan Krian.

Sejumlah $25.7 juta telahpun disalurkan untuk tujuan tersebut. LLP pula membantu kawasan-kawasan padi di pendalaman menerusi 78 buah Koperasi Peladang — sejumlah $1.5 juta telah disalurkan meliputi 33,000 orang petani.

Tahun ini, LPP akan menyalurkan $3.2 juta kepada 106 Koperasi Peladang bagi faedah 35,895 orang petani.

Pemasaran hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh ahli-ahli Koperasi Peladang dikendalikan sendiri oleh Koperasi Peladang.

Khidmat nasihat

Di musim menuai

Untuk mempastikan harga padi dan beras yang stabil bagi petani-petani LPN membeli padi mereka dan memprosesnya

Dengan bantuan kredit baja tanaman padi memberikan hasil yang lumayan

Dengan bantuan kredit pertanian, petani-petani dibekalkan dengan alat penyembur dan racun serangga.

Rancangan Pengairan Kemubu



Kemudahan pengairan membolehkan penanaman padi di luar musim



Sebuah jentera menuai padi di Rancangan Pengairan Muda